

Carian



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Bajet 2018 Sasar Lonjakan Eksport](#)

Berita Harian - Bajet 2018 Sasar Lonjakan Eksport

 Jumaat, Sep 08 2017



Bajet 2018 sasar lonjakan eksport

BH 8/9

➔ Perniagaan berdaya tahan, mampan jadi tumpuan

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Strategi melonjakkan eksport bakal menjadi antara elemen penting dalam Bajet 2018 yang akan dibentangkan pada 27 Oktober ini, kata Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar.

Beliau berkata, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan perniagaan yang berdaya tahan dan mampan dengan penekanan kepada memperkasa pertumbuhan ekonomi untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi rakyat.

"Ia ialah sebahagian strategi yang

akan diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) merangkap Menteri Kewangan pada pembentangan bajet, 27 Oktober depan," katanya kepada pemberita pada 'Road to GEC', acara pemula sebelum Sidang Kemuncak GECommunity 2017 di Cyberjaya, semalam.

Irwan berkata, ekonomi negara berkembang pada kadar membekas 5.7 peratus bagi separuh pertama 2017 dan pihaknya yakin pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi setahun penuh 2017 akan melepasi paras 5.0 peratus.

"Disokong oleh angka seperti RM1 trilion dalam nilai perdagangan negara dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, juga sektor lain seperti pertumbuhan

pinjaman, peningkatan tahap keyakinan, peningkatan tahap perbelanjaan ... kita mahu mengekalkan kadar pertumbuhan ini, meneruskan momentum.

Kekal pertumbuhan eksport

"Bagi baki tahun ini dan tahun depan, mengekalkan pertumbuhan eksport, pelaburan swasta, kos sara hidup, perkara yang dekat di hati rakyat," katanya.

Eksport Malaysia bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini berkembang pada kadar 22.3 peratus kepada RM529.68 bilion, sementara import menokok 23 peratus pada RM478.71 bilion, sekali gus memberikan lebih dagangan kepada negara sebanyak RM50.97 bilion.

➔ Lihat Ms.B2



Disokong oleh angka seperti RM1 trilion dalam nilai perdagangan negara dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, juga sektor lain seperti pertumbuhan pinjaman, peningkatan tahap keyakinan, peningkatan tahap perbelanjaan ... kita mahu mengekalkan kadar pertumbuhan ini, meneruskan momentum"

Dr Mohd Irwan Serigar,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**